



27 OCT, 2021

Malaysia bakal keluar vaksin influenza halal

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Malaysia bakal keluar vaksin influenza halal

Mampu hasilkan 10 juta dos bermula 2024 untuk pasaran Asia Tenggara, negara OIC

Oleh Amir Abd Hamid dan Fahmy A Rosli
 bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Menjelang 2024, Malaysia bakal mengeluarkan vaksin influenza untuk manusia berstatus halal menerusi kilang Malaysian Vaccines and Pharmaceutical (MVP) Sdn Bhd, bukan sahaja bagi pasaran tempatan, ma-

lah beberapa negara asing.

Pengarah Eksekutif MVP, Rashidah Ibrahim, berkata vaksin itu akan tersedia dan diunjurkan pada tiga tahun pertama selepas pengeluaran bermula 2024, maksimum sebanyak 10 juta dos vaksin boleh dihasilkan.

"Kami mempunyai bangunan dua lot kilang dan berbekalkan teknologi serta kepakaran kami menghasilkan vaksin haiwan, dalam tempoh kurang dari tiga tahun kami (akan) mampu membekalkan vaksin manusia," katanya pada Majlis Pertukaran Dokumen MVP dan St Petersburg Scientific Research Institutes For Vaccine And Serum Russia, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr Adham Baba; Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk

Zainal Abidin Abu Hasan serta Ahli Lembaga Pengarah MVP. Terdahulu, mereka turut melawat makmal pembuatan vaksin MVP di Puchong.

Rashidah berkata, perjanjian dengan St Petersburg memberikan MVP pasaran di Asia Tenggara dan beberapa negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

MVP Sdn Bhd adalah syarikat yang menghasilkan vaksin untuk unggas. Sejak 1994, syarikat berkenaan menghasilkan 16 vaksin unggas di negara ini oleh pakar tempatan. Vaksin berkenaan untuk pasaran tempatan dan eksport.

Syarikat itu menubuhkan anak syarikat, MVP Healthcare untuknya memanfaatkan kepakaran dan teknologi sedia dimilikinya bagi menceburi bidang pengeluaran vaksin untuk manusia.



Dr Adham (tengah) diiringi Pengerusi MVP, Datuk Dr Mohd Nordin Mohd Nor (dua dari kiri) dan Rashidah (kiri) ketika melawat makmal pembuatan vaksin MVP di Puchong.
 (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

Sementara itu, Dr Adham berkata, lawatannya ke kilang MVP membolehkan MOSTI meninjau langkah yang boleh dilaksanakan bagi memajukan lagi syarikat itu yang sudah 27 tahun beroperasi untuk menceburi bidang pembuatan vaksin untuk manusia.

Beliau juga menjelaskan, pandemik COVID-19 mendorong kerajaan untuk memberi lebih fokus terhadap memperkukuhkan jaringan keselamatan kesihatan dan keselamatan maka-

nan dengan memberi tumpuan terhadap bidang berkaitan sains, penyelidikan dan teknologi serta melipatgandakan inovasi dan kreativiti.

Justeru, beliau berkata, pihaknya akan terus membantu dan membangunkan usahawan dalam bidang berkenaan yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19 yang bermula tahun lalu, sehingga hampir melumpuhkan keseluruhan sistem perniagaan dan menjejaskan ekonomi global.



27 OCT, 2021

Malaysia bakal keluar vaksin influenza halal

Berita Harian, Malaysia



SUMMARIES

Mampu hasilkan 10 juta dos bermula 2024 untuk pasaran Asia Tenggara, negara OIC

Kuala Lumpur: Menjelang 2024, Malaysia bakal mengeluarkan vaksin influenza untuk manusia berstatus halal menerusi kilang Malaysian Vaccines and Pharmaseutical (MVP) Sdn Bhd, bukan sahaja bagi pasaran tempatan, ma-

lah beberapa negara asing. Pengarah Eksekutif MVP, Rashidah Ibrahim, berkata vaksin itu akan tersedia dan diunjurkan pada tiga tahun pertama selepas pengeluaran bermula 2024, maksimum sebanyak 10 juta dos vaksin boleh dihasilkan.